

10 AUG 2000

Abdul Kadir-Pekan Rabu

PEKAN RABU AKAN DIJADIKAN PUSAT TARIKAN PELANCONGAN ANTARABANGSA

ALOR SETAR, 10 Ogos (Bernama) -- Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan akan meningkatkan segala kemudahan di Pekan Rabu bagi membolehkan tempat kegiatan ekonomi Bumiputera di bandar Alor Setar itu menjadi pusat tarikan pelancongan antarabangsa.

Menterinya Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir berkata Pekan Rabu merupakan satu tempat yang begitu bersejarah di Kedah dan kementerian akan mendapatkan peruntukan yang sewajarnya untuk tujuan itu.

"Pekan Rabu begitu sinonim dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Ia sangat istimewa dari segi pembangunan ekonomi Bumiputera," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Majlis Pengkisahan Sejarah "Che Det dan Pekan Rabu" di sini hari ini.

Che Det merupakan panggilan mesra Perdana Menteri yang turut pernah menjalankan perniagaan bersama rakan-rakan di Pekan Rabu ketika Jepun menduduki Tanah Melayu.

"Pekan Rabu kini telah menjadi pusat tarikan pelancongan tempatan. Untuk menjadikan ia sebagai pusat tarikan antarabangsa, kita akan mengindahkan, menyediakan segala kemudahan serta merekod setiap sejarahnya agar pelancong dapat menikmatinya," kata Abdul Kadir.

Beliau berkata pusat perniagaan berkenaan akan menjadi sebuah pasar sehari yang lengkap dan kementerian akan mengarahkan Koperasi Pekan Rabu (KPR) memperbanyakkan lagi barangan yang dijual di situ.

Ditanya mengenai masalah ruang yang sempit dan tempat meletak kenderaan yang terhad, Abdul Kadir berkata KPR akan diminta mengemukakan cadangan kepada kerajaan untuk mengatasi masalah terbabit.

Sementara itu, beliau berkata kementerian masih belum berpuas hati dengan sambutan program penggalakkan pelancongan tempatan yang dilancarkan beberapa bulan lalu.

"Program bertema Cuti-Cuti Malaysia itu belum begitu berjaya untuk menukar minda rakyat negara ini supaya bercuti di dalam negeri. Namun, kita akan meneruskan program itu bagi melihat ia mencapai kejayaan," katanya.

-- BERNAMA

MAN RHM